

Sinopsis

Sekalng Penghargaan

kepada Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), barisan Pengurusan Tertinggi JAKIM, ABIM serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buku ini.

أَدَبُ الْإِخْتِلَافِ فِي الْإِسْلَامِ

ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

Dr. Ṭāha Jābir Fayyāḍ al-‘Alwānī

Sinopsis Buku

ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

Jom baca di sini:



Buku Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam merupakan terjemahan terhadap buku *Adab al-Ikhtilāf fi al-Islām* karangan Shaykh Dr. Ṭāha Jābir al-'Alwānī rahimahullāh (w. 2016M), seorang pemikir Islam yang ensiklopedik dan berwawasan jauh. Shaykh Ṭāha secara peribadinya mempunyai hubungan yang sentimental dengan ABIM, sehingga memberi kebenaran kepada ABIM untuk menterjemahkan buku *Adab al-Ikhtilāf* ke bahasa Melayu, dan diterjemahkan oleh Tuan Haji Muhammad Rivai Batubara. Buku ini merupakan antara buku terawal yang dikarang oleh Shaykh Ṭāha.

Buku ini mempunyai enam bab yang menekankan prinsip utama Syariat Islam iaitu adab-adab dalam memberikan pendapat sesama manusia tanpa mengira usia, agama dan pangkat seseorang. Antara sebab-sebab timbulnya perbezaan pendapat ialah kefahaman terhadap sesuatu nas dan dalil yang dipegang dan juga perbezaan istilah bahasa. Oleh itu, buku ini dimulakan dengan perbincangan apa itu ikhtilaf – apa yang boleh diikhtilafkan dan apa yang tidak boleh diikhtilafkan, dan pembicaraan ikhtilaf dalam *furū'* yang dibolehkan. Ia diikuti dengan perbincangan sejarah ikhtilaf bermula daripada zaman para sahabat hinggalah ke zaman para ulama selepas mereka, perbincangan perbezaan metodologi (*manhaj*) yang digunakan para ulama, penjelasan sebab-sebab ikhtilaf, kemudian panduan dan adab ikhtilaf dalam kalangan ulama dan adab-adab yang wajar dicontohi kita selaku khalaf. Menurut Shaykh Ṭāha, sekiranya adab dan batas perbezaan pendapat dipelihara, ikhtilaf tidak akan menjadi asbab kepada perpecahan umat.

Di samping itu, buku ini juga menekankan bahawa berpegang kepada taklid semata-mata tanpa ada ilmu pengetahuan, kefanatikan terhadap pandangannya, hasad dengki dan mengikut hawa nafsu akan menyebabkan kebuntuan pemikiran dan kewujudan generasi berkelompok. Sebab-sebab perbezaan pendapat yang terjadi pada hari ini dalam kalangan kaum Muslimin adalah

kejahilan terhadap Islam, atau kekurangan ilmu mengenai Islam. Oleh itu, untuk berhajat kepada pemikiran yang berpaksikan di atas kefahaman roh Islam, kita perlu merujuk kepada sumber utamanya iaitu Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, di samping keperluan untuk mempelajari cara-cara yang ditempuh oleh Salaf al-Salihin dalam berinteraksi dengan sumber-sumber ini agar kita dapat mengembalikan persepsi bahawa Islamlah satu-satunya ajaran yang dapat menyelamatkan umat daripada penyelewengan pemikiran.

Buku ini telah diwacanakan dan diterjemah dalam pelbagai bahasa termasuklah bahasa Melayu. Buku ini juga sesuai dijadikan panduan umum bagi para pelajar Islam dan penggerak dakwah Islam bagaimana cara mengendali ikhtilaf dan telah banyak membantu mencerahkan pemikiran umat Islam berkenaan isu ikhtilaf khususnya dalam kalangan anak muda dan para sarjana yang berfikir wasatiyyah.

ABIM telah menerbitkan buku terjemahan Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam Edisi Pertama pada tahun 1989 dan edisi kedua pada tahun 1993. Pada tahun 2023, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah menyarankan agar buku ini diterbitkan semula dan diedarkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Bagi menyahut seruan ini, YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Naim bin Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah memutuskan melalui Mesyuarat Pasca Kabinet Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) agar pihak JAKIM mencetak semula buku ini dengan kerjasama ABIM. Usaha ini merupakan antara langkah agensi Islam memainkan peranannya dalam membantu mengurangkan isu perpecahan pemikiran dan fikrah dalam konteks Kerajaan Perpaduan pada hari ini.



Dr. Ṭāha Jābir Fayyāḍ
al-'Alwānī

Beliau merupakan penulis asal buku *Adab al-Ikhtilāf fi al-Islām* (Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam). Dilahirkan pada tahun 1935, beliau mendapat pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Falsafah Kedoktoran dalam bidang Pengajian Islam di Universiti al-Azhar, Kaherah. Beliau berpindah ke Amerika Syarikat pada tahun 1984 dan telah mengasaskan Graduate School of Islamic and Social Sciences (GSISS) di Leesburg, VA. Beliau juga merupakan Presiden GSISS dan pemegang Kerusi Imam Al-Shafi'i dalam Teori Perundangan Islam.

Dr. Ṭāha juga pernah dilantik sebagai Presiden Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (International Institute of Islamic Thought) di Herndon, VA dan Presiden Majlis Fiqh Amerika Utara (Fiqh Council of North America). Beliau mengajar teori perundangan Islam selama 11 tahun di pelbagai universiti di seluruh dunia. Beliau mempunyai minat yang mendalam mengenai perundangan Islam terhadap implikasi sosial dan merupakan penulis yang tidak asing lagi dalam *American Journal of Islamic Social Sciences*.

Semasa hayatnya beliau banyak menyumbang penulisan yang bermanfaat. Contohnya buku *Al-Jam' Bayna al-Qirā'atain, Maqāsid al-Sharī'ah, Lā Ikrah fiddīn* dan banyak lagi. Manakala buku *Adab al-Ikhtilāf fi al-Islām* ini telah disemak dan ditambah baik melalui karya terakhirnya iaitu *Min Adab al-Ikhtilāf ilā Nabdh al-Khiṭāf*. Beliau telah kembali ke pangkuan Ilahi pada 4 Mac 2016.

